PERBADANAN PUTRAJAYA

www.ppj.gov.my

Pandangan, cadangan dan maklum balas anda boleh dikemukakan melalui laman sesawang **www.ppj.gov.my** atau dengan mengisi Borang Maklum Balas dan mengembalikan kepada alamat seperti berikut:

Presiden,
Perbadanan Putrajaya
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana, Presint 3,
62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

# PUBLISITI & PAMERAN AWAM

## DRAF RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 5, 6 & 20 PUTRAJAYA (PENGUBAHAN) 2025



PERBADANAN PUTRAJAYA

**Penglibatan Anda Dialu-alukan**

Pandangan dan maklum balas anda boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Maklum Balas Awam

# PUBLISITI DAN PAMERAN AWAM

## DRAF RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 5, 6 & 20 PUTRAJAYA (PENGUBAHAN) 2025

### RANCANGAN TEMPATAN (RT)

Rancangan Tempatan merupakan satu dokumen yang disediakan selaras dengan peruntukan seksyen 12, Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172).

Dokumen ini mengandungi Peta Cadangan & Penyataan Bertulis serta disokong oleh garis panduan pelaksanaan bagi menerangkan segala cadangan untuk pembangunan & pengurusan tanah.



Menterjemahkan dasar-dasar Rancangan Struktur



Menyediakan garis panduan pembangunan kepada PBT



Panduan dan rujukan pembangunan kepada PBT bagi pembangunan daerah

Menurut subseksyen 16(1), pihak berkuasa perancang tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian sesuatu rancangan tempatan.

### PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN




### MATLAMAT RANCANGAN TEMPATAN

Untuk menyediakan satu rancangan tempatan yang dapat memandu perancangan dan pembangunan secara mampan dan terperinci serta membenarkan keperluan fleksibiliti dari segi guna tanah di kawasan kajian selaras dengan matlamat Rancangan Struktur Putrajaya 2025.

### KEPERLUAN UTAMA PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 5, 6 & 20 PUTRAJAYA

Rancangan Tempatan Presint 5, 6 & 20, Putrajaya sedia ada telah diwartakan pada 7 Mac 2014. Kawasan Rancangan Tempatan merangkumi Presint 5, 6 & 20 yang terletak di bahagian selatan Putrajaya. Keperluan kepada pengubahan Rancangan Tempatan Presint 5, 6 & 20, Putrajaya adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

1. Terdapat keperluan penyelarasan semula guna tanah yang responsif sesuai dengan Presint Sukan dan Rekreasi.

### KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 5, 6 & 20 PUTRAJAYA (PENGUBAHAN) 2025

Keluasan kawasan kajian ialah 1,827.50 ekar. Rajah di bawah menunjukkan pelan lokasi kawasan kajian bagi Rancangan Tempatan Presint 5, 6 dan 20, Putrajaya (Pengubahan) 2025.




Peta Kunci

Peta Lokasi

### KANDUNGAN RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 5, 6 & 20 PUTRAJAYA (PENGUBAHAN) 2025

Ianya mengandungi Cadangan Pengubahan, Peta Cadangan dan Kelas Kegunaan Tanah yang menerangkan mengenai aktiviti yang dibenarkan.

### GUNA TANAH UTAMA

- Kawasan Lapang 37.11%
- Infrasruktur 32.41%
- Kemudahan Awam 19.74%
- Kediaman 9.16%
- Komersial 4.01%
- Kegunaan Kerajaan 3.81%
- Kegunaan Khas 3.26%




